



Dilema bentuk kerajaan berisiko jejas pemulihan ekonomi - Persatuan Peniaga

Oleh Alzahrin Alias - November 21, 2022 @ 1:55pm

KUALA LUMPUR: Dilema pembentukan kerajaan Persekutuan yang masih tidak menentu ketika ini, jika berlarutan, berisiko memberikan impak kepada pengukuhan ekonomi termasuk perniagaan. Ketidaktentuan politik ketika ini mengganggu proses perniagaan dengan kebanyakan pelabur dan peniaga luar juga masih menunggu keputusan Malaysia.

Setiausaha Agung Persatuan Pengusaha Kecil Dan Sederhana Malaysia (SME Malaysia), Chin Chee Seong, berkata situasi ketika ini adalah tidak baik bukan saja kepada negara tetapi ekonomi.

Beliau berkata, ketidakstabilan politik akan menyebabkan pelabur luar kurang yakin dan kembali memikirkan langkah pelaburan mereka di sini.

Katanya, jika itu berlaku, kesan paling besar adalah kepada perniagaan yang ketika ini banyak bergantung kepada perdagangan luar.

"Paling utama adalah kita memerlukan mandat kerajaan yang kukuh bagi memastikan pergerakan ekonomi yang lancar.

"Ini kerana kita perlu kerajaan kukuh bagi memastikan kemelut yang berlaku seperti inflasi, kelemahan ringgit dan penurunan ekonomi dapat ditangani.

"Jika ia berlarutan dalam jangka masa yang lebih panjang, perniagaan akan menjadi tidak stabil." katanya.

Sementara itu, Protem Timbalan Pengerusi The Federation of Malaysian Business Associations (FMBA), Raymond Woo turut menggesa parti politik segera menyelesaikan sebarang kemelut yang ada ketika ini.

Beliau berkata, adalah penting bagi sesebuah negara yang sedang dalam proses pemulihan untuk membentuk kerajaan stabil secepat mungkin.

Ini katanya kerana perniagaan sudah tidak mampu lagi untuk berdepan dengan satu lagi krisis selepas pandemik COVID-19.

Katanya, kerajaan yang stabil akan membolehkan langkah pemulihan perniagaan diperhebatkan serta dilaksanakan dengan pantas.

"Perlu segera tubuh kerajaan kerana perniagaan bergantung kepada kerajaan. Kestabilan dan kekukuhan negara adalah kunci utama pemulihan ekonomi pasca pandemik," katanya.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tidak menolak kemungkinan kemelesetan ekonomi global akan berlaku pada tahun hadapan (2023) berikutan wujud risiko yang tinggi.

Prospek ekonomi global telah "menjadi gelap dengan ketara" sejak April lalu sehingga mendorong IMF menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global pada 3.6 peratus tahun ini.

Bank-bank pusat di seluruh global juga secara serentak menaikkan kadar faedah untuk bertindak balas terhadap inflasi.

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) pada awal bulan ini juga telah membuat keputusan untuk sekali lagi menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) iaitu sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus.

Ia adalah kenaikan kali keempat berturut-turut tahun ini bermula Mei, Julai dan September lalu, dengan masing-masing meningkat sebanyak 25 mata asas kepada 2.50 peratus berbanding paras rekod terendah 1.75 peratus sebelumnya.

Berikutan kenaikan terbaharu itu, jajaran kadar tertinggi dan terendah koridor bagi OPR turut dinaikkan masing-masing kepada 3.00 peratus dan 2.50 peratus.